		• Boleh menjustifikasi dan membuat penambahbaikan terhadap permainan baharu yang direka cipta atau ubah suai daripada permainan tradisional Gelap Cerah dan Aci Sep. • Boleh berkomunikasi dalam pelbagai cara semasa melakukan aktiviti Rekreasi dan Kesenggangan. • Boleh menggunakan kemahiran Rekreasi dan Kesenggangan sebagai aktiviti meningkatkan kecergasan fizikal.			
Tahap Penguasaan Unit 7		TP 1 ☐ TP 2 ☐ TP 3 ☐ TP 4 ☐		TP 5 ☐	TP 6 ☐
8 **KECERGASAN FIZIKAL BERDASARKAN KESIHATAN**	TP1	• Boleh menghitung Kadar Nadi Maksimum (KNM) untuk diri sendiri dengan rumus 220 – umur. • Boleh melakukan senaman kapasiti aerobik dan daya tahan otot, kekuatan otot dan senaman regangan statik dan dinamik. • Boleh melakukan dan menamakan senaman daya tahan otot dan kekuatan otot yang melibatkan bahagian atas badan, abdomen dan bahagian bawah badan. • Boleh menandakan empat titik cubitan pada otot paha, trisep, abdominal dan suprailliak.	57, 58		
	TP2	• Boleh menghitung dan menjelaskan KNL 65-85% berdasarkan KNM diri sendiri dan melakukan senaman kapasiti aerobik untuk diri sendiri sekurang-kurangnya tiga kali seminggu. • Boleh melakukan senaman kelenturan dan membezakan antara senaman regangan statik dengan dinamik. • Boleh melakukan senaman daya tahan otot dan kekuatan otot yang melibatkan bahagian atas badan, abdomen dan bahagian bawah badan dan menamakan otot yang terlibat.	58, 59, 60		
	TP3	• Boleh mengaplikasikan KNL untuk diri sendiri semasa melakukan senaman kapasiti aerobik. • Boleh menerangkan kesan senaman kelenturan yang dipilih ke atas otot dan sendi semasa melakukan senaman kelenturan. • Boleh mengaplikasikan prinsip FITT semasa melakukan senaman meningkatkan daya tahan otot dan kekuatan otot. • Boleh mengaplikasikan rumus atau perisian untuk mendapatkan peratus lemak badan sendiri berdasarkan ukuran lipatan kulit.	59, 60, 61		
	TP4	• Boleh mengaplikasikan senaman kapasiti aerobik berdasarkan KNL yang disasarkan secara tekal. • Boleh mengaplikasikan dan menjelaskan pemboleh ubah latihan yang melibatkan jangka masa, bilangan ulangan dan bebanan semasa melakukan senaman meningkatkan daya tahan otot dan kekuatan otot. • Boleh menyenarai dan mengaplikasikan kaedah pengukuran lemak badan yang lain daripada ukuran lipatan kulit berdasarkan pencarian maklumat.	60, 61, 62		

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

UNIT	STANDARD PRESTASI		HALAMAN	PENCAPAIAN	
	TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN		(✓) MENGUASAI	(✗) BELUM MENGUASAI
		• Membandingkan peratus lemak badan sendiri dengan julat peratus lemak badan yang ideal. • Boleh mengaplikasikan pengetahuan berkaitan prosedur yang betul semasa mengukur tahap kecergasan fizikal menggunakan ujian SEGAK.			
	TP5	• Boleh merancang dan melakukan senaman meningkatkan kapasiti aerobik pada 65-85% KNM. • Boleh merancang dan melakukan pelan senaman meningkatkan kelenturan untuk satu minggu serta aktiviti meningkatkan daya tahan otot tiga kali seminggu secara berselang hari. • Boleh merancang dan melakukan senaman yang dapat meningkatkan Komponen Kecergasan berdasarkan keputusan ujian SEGAK. • Boleh membentuk kumpulan dan bekerjasama dalam kumpulan semasa melakukan aktiviti fizikal.	62		
	TP6	• Boleh memberi justifikasi aktiviti, jangka masa dan KNL yang sesuai untuk meningkatkan kapasiti aerobik diri sendiri dan senaman regangan yang dipilih serta mempraktikkan senaman tersebut ke arah gaya hidup sihat. • Boleh menganalisis keputusan ujian SEGAK dan menjustifikasikan tindakan susulan berdasarkan keputusan ujian SEGAK untuk meningkatkan kecergasan fizikal. • Boleh berkomunikasi dengan ahli kumpulan untuk melaksanakan sesuatu tugas atau mencapai matlamat.	62, 63		
Tahap Penguasaan Unit 8		TP 1 ☐ TP 2 ☐ TP 3 ☐ TP 4 ☐ TP 5 ☐ TP 6 ☐			

PENDIDIKAN KESIHATAN					
1 **PENDIDIKAN KESIHATAN REPRODUKTIF DAN SOSIAL (PEERS)** **(1.0 Kesihatan Diri dan Reproduktif: Identiti Gender dan Peranan Gender)**	TP1	Menyatakan maksud gender.	65		
	TP2	Menerangkan identiti gender dan peranan gender.	65		
	TP3	Menjelaskan dengan contoh identiti gender dan peranan gender dalam keluarga serta masyarakat.	65		
	TP4	Menghuraikan perkaitan proses sosialisasi dengan identiti gender dan peranan gender.	66		
	TP5	Membuat kesimpulan bagaimana proses sosialisasi mempengaruhi identiti gender dan peranan gender.	66		
	TP6	Menulis secara kreatif cara untuk mengubah persepsi masyarakat tentang identiti gender dan peranan gender.	66		
Tahap Penguasaan Unit 1		TP 1 ☐ TP 2 ☐ TP 3 ☐ TP 4 ☐ TP 5 ☐ TP 6 ☐			

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

UNIT	STANDARD PRESTASI		HALAMAN	PENCAPAIAN	
	TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN		(✓) MENGUASAI	(✗) BELUM MENGUASAI
1 PENDIDIKAN KESIHATAN REPRODUKTIF DAN SOSIAL (PEERS) (1.0 Kesihatan Diri dan Reproduktif: Stereotaip Gender dan Diskriminasi)	TP1	Menyenaraikan stereotaip gender dan diskriminasi mengikut norma keluarga, budaya dan masyarakat setempat.	67		
	TP2	Mengenal pasti stereotaip gender dan diskriminasi dalam masyarakat setempat.	67		
	TP3	Menjelaskan dengan contoh cara menangani cabaran stereotaip gender dan diskriminasi.	68		
	TP4	Menganalisis peranan gender yang bercanggah dengan norma keluarga, budaya dan masyarakat setempat.	68		
	TP5	Mengesyorkan kepentingan menangani cabaran stereotaip gender dan diskriminasi.	68		
	TP6	Menghasilkan karya secara kreatif dan kritis serta menyebar luas maklumat keperluan membudayakan kesaksamaan gender.	68		
Tahap Penguasaan Unit 1	TP 1	TP 2	TP 3	TP 4	TP 5	TP 6
1 PENDIDIKAN KESIHATAN REPRODUKTIF DAN SOSIAL (PEERS) (2.0 Penyalahgunaan Bahan: Peraturan dan Undang-undang)	TP1	Menyatakan kepentingan mematuhi peraturan dan undang-undang penyalahgunaan bahan.	69		
	TP2	Menyenaraikan implikasi menyalahi peraturan dan undang-undang penyalahgunaan bahan kepada diri.	69		
	TP3	Menjelaskan dengan contoh implikasi menyalahi peraturan dan undang-undang penyalahgunaan bahan kepada keluarga.	69		
	TP4	Memilih tindakan yang sesuai dalam pematuhan peraturan dan undang-undang berdasarkan situasi yang dihadapi.	70		
	TP5	Membuat keputusan yang wajar berdasarkan situasi yang diberi berdasarkan situasi yang dihadapi.	70		
	TP6	Menghasilkan karya secara kreatif dan kritis tentang kepentingan memelihara kedaulatan undang-undang.	70		
Tahap Penguasaan Unit 1	TP 1	TP 2	TP 3	TP 4	TP 5	TP 6
1 PENDIDIKAN KESIHATAN REPRODUKTIF DAN SOSIAL (PEERS) (3.0 Pengurusan Mental dan Emosi: Kemarahan)	TP1	Menyenaraikan contoh punca kemarahan.	71		
	TP2	Mengenal pasti kesan kemarahan.	71		
	TP3	Mendemonstrasi cara mengurus kemarahan diri dengan berkesan.	71		
	TP4	Menganalisis dan memilih tindakan yang sesuai untuk mengurus kemarahan.	71		
	TP5	Meramalkan kesan kemarahan terhadap diri dan orang lain.	71		
	TP6	Mencipta karya dan menyebar luas maklumat cara mengurus kemarahan secara kreatif dan kritis.	71		
Tahap Penguasaan Unit 1	TP 1	TP 2	TP 3	TP 4	TP 5	TP 6

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

UNIT	STANDARD PRESTASI		HALAMAN	PENCAPAIAN	
	TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN		(✓) MENGUASAI	(✗) BELUM MENGUASAI
1 **PENDIDIKAN KESIHATAN REPRODUKTIF DAN SOSIAL (PEERS) (4.0 Kekeluargaan: Sumbang mahram)**	TP1	Menyatakan maksud sumbang mahram.	72		
	TP2	Menerangkan dan memberi contoh sumbang mahram.	72		
	TP3	Mendemonstrasi cara berkata TIDAK kepada sumbang mahram.	72		
	TP4	Menjelaskan melalui contoh peranan ahli keluarga untuk mengelak sumbang mahram.	73		
	TP5	Mengesyorkan tindakan yang boleh diambil untuk mengelak sumbang mahram.	73		
	TP6	Berkomunikasi secara berkesan untuk mengelak atau melapor kes sumbang mahram.	73		
Tahap Penguasaan Unit 1	TP 1	TP 2	TP 3	TP 4	TP 5	TP 6
1 **PENDIDIKAN KESIHATAN REPRODUKTIF DAN SOSIAL (PEERS) (5.0 Perhubungan: Persahabatan)**	TP1	Menyatakan maksud persahabatan.	74		
	TP2	Menjelaskan perbezaan pelbagai jenis persahabatan.	74		
	TP3	Menjelaskan dengan contoh batas pergaulan dalam persahabatan.	75		
	TP4	Membezakan cara berkomunikasi dalam persahabatan.	75		
	TP5	Meramalkan kesan sekiranya tidak menjaga batas pergaulan dalam persahabatan.	75		
	TP6	Menulis secara kreatif cara berkomunikasi berkesan dalam persahabatan.	75		
Tahap Penguasaan Unit 1	TP 1	TP 2	TP 3	TP 4	TP 5	TP 6
1 **PENDIDIKAN KESIHATAN REPRODUKTIF DAN SOSIAL (PEERS) (6.0 Penyakit: Jangkitan HIV Penyakit AIDS)**	TP1	Menyatakan cara jangkitan HIV dan penyakit AIDS berlaku.	76		
	TP2	Menerangkan perbezaan antara jangkitan HIV dan penyakit AIDS.	76		
	TP3	Menjelaskan dengan contoh situasi yang boleh mendedahkan diri kepada jangkitan HIV dan penyakit AIDS.	76		
	TP4	Menganalisis situasi yang mendedahkan diri kepada jangkitan HIV dan penyakit AIDS.	77		
	TP5	Memilih tindakan yang sesuai untuk mengelak diri daripada jangkitan HIV berdasarkan situasi.	77		
	TP6	Menghasilkan karya secara kreatif dan kritis untuk mencegah jangkitan HIV dan penyakit AIDS.	77		
Tahap Penguasaan Unit 1	TP 1	TP 2	TP 3	TP 4	TP 5	TP 6

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

UNIT	STANDARD PRESTASI		HALAMAN	PENCAPAIAN	
	TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN		(✓) MENGUASAI	(✗) BELUM MENGUASAI
1 **PENDIDIKAN KESIHATAN REPRODUKTIF DAN SOSIAL (PEERS) (7.0 Keselamatan: Eksploitasi)**	TP1	Menyatakan maksud eksploitasi.	78		
	TP2	Mengenal pasti punca eksploitasi.	78		
	TP3	Menjelaskan dengan contoh cara mengelakkan diri daripada dieksploitasi.	79		
	TP4	Menghuraikan situasi yang membolehkan eksploitasi berlaku.	79		
	TP5	Meramalkan kesan kepada keluarga dan masyarakat sekiranya berlaku eksploitasi kepada diri.	80		
	TP6	Menghasilkan karya secara kreatif dan kritis berkaitan kes eksploitasi untuk disebar luas.	80		
Tahap Penguasaan Unit 1	TP 1	TP 2	TP 3	TP 4	TP 5	TP 6
2 **PEMAKANAN**	TP1	Menyatakan keperluan harian kalori seharian mengikut kumpulan umur, jantina, aktiviti fizikal dan fisiologi.	82		
	TP2	Memberi contoh jumlah keperluan kalori seharian mengikut kumpulan umur, jantina, aktiviti fizikal dan fisiologi.	82		
	TP3	Menjelaskan faedah pengambilan kalori seharian yang mencukupi.	83		
	TP4	Membandingkan keperluan kalori berdasarkan aktiviti mengikut kumpulan umur, jantina, aktiviti fizikal dan fisiologi.	84		
	TP5	Mengesyorkan keperluan kalori berdasarkan aktiviti seharian.	85		
	TP6	Merancang menu makanan seimbang mengikut keperluan kalori.	85		
Tahap Penguasaan Unit 2	TP 1	TP 2	TP 3	TP 4	TP 5	TP 6
3 **PERTOLONGAN CEMAS**	TP1	Menyatakan prinsip dan prosedur R.I.C.E.	87		
	TP2	Mengenal pasti kecederaan yang memerlukan prosedur R.I.C.E.	87		
	TP3	Mendemonstrasi langkah-langkah prosedur R.I.C.E.	88		
	TP4	Menjelaskan melalui contoh situasi kecemasan yang sesuai untuk prosedur R.I.C.E.	88		
	TP5	Membuat pertimbangan terhadap prosedur R.I.C.E mengikut situasi kecemasan.	89		
	TP6	Berkomunikasi secara berkesan semasa mengaplikasikan prosedur R.I.C.E.	89		
Tahap Penguasaan Unit 3	TP 1	TP 2	TP 3	TP 4	TP 5	TP 6

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Unit
1

Gimnastik Asas

NOTA PECUT

1. Gimnastrada merupakan persembahan berkumpulan yang melibatkan kemahiran gimnastik, tarian dan pergerakan yang diiringi muzik untuk tujuan hiburan.
2. Persembahan tersebut boleh disertai oleh peserta daripada pelbagai peringkat umur, tahap kemahiran, kebolehan dan disiplin untuk menunjukkan bakat, kreativiti dan imaginasi tersendiri.
3. Persembahan gimnastrada diserikan dengan alatan dan prop yang digunakan.
4. Gimnastrada merangkumi gabungan rangkaian kemahiran gerak edar, imbangan, putaran dan hambur secara berkumpulan.

Gerak Edar

1. Pergerakan dari satu tempat ke tempat lain dengan menggunakan pergerakan lokomotor.
2. Terdapat tiga jenis gerak edar, iaitu:
   (a) Merangkak
   (b) Langkah silang (*Grapevine*)
   (c) Berskip



Merangkak

Imbangan

1. Kebolehan untuk mengekalkan keseimbangan apabila pusat graviti seseorang atau tapak sokongan diubah.
2. Terdapat dua jenis imbangan, iaitu:
   (a) Imbangan skala
   (b) Imbangan bentuk piramid

Putaran

1. Pergerakan pusingan pada sesuatu paksi badan seperti paksi menegak dan mendatar.
2. Terdapat tiga jenis putaran, iaitu:
   (a) Putaran roda
   (b) Guling hadapan
   (c) Putaran menegak 360°



Guling hadapan

Hambur

1. Aktiviti yang menghasilkan anjakan badan yang cepat yang boleh dilakukan dari kaki atau tangan atau kedua-duanya.
2. Terdapat dua jenis hambur, iaitu:
   (a) Lombol kangkang
   (b) Hambur atas alatan



Hambur atas alatan

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Buku Teks ms. 4 – 7

Gimnastrada

1. Nyatakan jenis kemahiran berikut serta lakukan kemahiran tersebut di hadapan rakan dan guru. **TP 1**

eP+ NOTA VISUAL PRAKTIS EKSTRA

SP 1.1.1 2.1.1

(a)



Langkah silang (*Grapevine*)

(b)



Berskip

(c)



Imbangan bentuk piramid

(d)



Imbangan skala

(e)



Hambur atas alatan

(f)



Lombol kangkang

(g)



Putaran menegak 360°

(h)



Guling hadapan

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

2. Nyatakan konsep pergerakan dalam rutin gimnastrada berikut. TP 2

SP 1.1.3 (a) Merangkak

Pergerakan tangan dan lutut di lantai secara ___berselang-seli___ untuk bergerak dari satu tempat ke tempat yang lain.

(b) Berskip

Pergerakan kaki melangkah dan melompat dengan sebelah kaki yang sama dengan ulangi kaki dengan cepat secara ringan sambil memindahkan ___berat badan___.

(c) Imbangan skala

Pergerakan mengimbangi badan menggunakan satu kaki sambil mendepakan tangan serta merendahkan pusat ___graviti___ badan.

(d) Guling hadapan

Cara memindahkan berat badan ke hadapan dalam membuat ___gulingan___ di samping menggunakan tangan sebagai ___penolak___ badan murid dalam memudahkan pemindahan berat badan.

3. Jelaskan cara pergerakan aktiviti berikut dan lakukan aktiviti tersebut. Guru PJPK akan membuat penilaian dengan menandakan (✓) pada aktiviti yang dilakukan. TP 3 TP 4

SP 1.1.1 2.1.2 2.1.3 (a) Guling hadapan



(i) Bongkokkan badan dengan kedua-dua ___belah tangan___ menyentuh lantai.

(ii) Guling ke hadapan dengan kedua-dua belah tangan membuat ___tolakan___ pada lantai.

(iii) Fleksi lutut semasa mendarat sambil ___tangan___ diluruskan ke hadapan untuk imbangan.

(b) Lombol kangkang



(i) Berlari ke arah rakan dan kedua-dua ___tapak tangan___ menyentuh di atas belakang rakan.

(ii) Ayunkan kaki ke ___hadapan___ melepasi belakang rakan dalam keadaan kaki kangkang.

(iii) Lompat ke hadapan sambil meluruskan tangan dan ___fleksi lutut___ semasa mendarat.

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

4. Anda dikehendaki membentuk kumpulan dan merancang persembahan di bawah secara berkumpulan. Anda boleh merujuk Buku Teks PJPK Tingkatan 3 sebagai panduan. PAK-21 TP 5

SP 5.2.1 5.2.4 5.3.1

Aktiviti

KBAT Mencipta Menilai

(a) Setiap kumpulan terdiri daripada tiga hingga empat orang murid.

(b) Murid diberi masa selama 15 minit untuk merancang dan mereka cipta satu kemahiran sama ada gerak edar, imbangan, putaran dan hambur.

(c) Murid diminta untuk membuat persembahan di hadapan kelas selama 10 minit.

(d) Kumpulan lain perlu membuat penilaian terhadap kumpulan yang membuat persembahan.

(e) Penilaian dibuat menggunakan senarai semak berikut.

Borang Senarai Semak Kemahiran Gimnastrada		
Kumpulan	**Penilaian (Sangat baik / Baik / Kurang baik)**	**Cadangan penambahbaikan**
1		
2		
3		
4		

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Guru membuat penilaian berdasarkan persembahan murid.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

5. Lakukan aktiviti di bawah.

PAK-21 TP 6

SP 5.1.1 5.1.4 5.2.1 5.3.1

KBAT Mengaplikasi

Aktiviti

Setiap kumpulan perlu membuat persembahan rutin pergerakan gimnastrada yang telah dicipta. Persembahan tersebut hendaklah tidak melebihi 10 minit. Sediakan peralatan yang akan digunakan sebelum persembahan dimulakan. Sebagai ketua kumpulan, anda juga perlu menilai persembahan kumpulan lain berdasarkan borang yang disediakan.

Tarikh :

Masa :

Kumpulan :

Ahli :

Muzik : ada / tiada

Peralatan : ada / tiada

Kemahiran : (i) (vi)
(ii) (vii)
(iii) (viii)
(iv) (ix)
(v) (x)

Konsep pergerakan :

Susun atur :

Kekuatan :

Penambahbaikan :

Ulasan keseluruhan :

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

KUIZ GAMIFIKASI



© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Pentaksiran Pertengahan Tahun

Bahagian A
[30 *markah*]

SKOR /100

Arahan: *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu* **A**, **B**, **C** dan **D**. Bagi *setiap soalan, pilih* **satu** *jawapan sahaja*.

1. Antara berikut, yang manakah merupakan konsep pergerakan?
- **A** Putaran
- **B** Imbangan
- **C** Gerak edar
- **D** Kualiti pergerakan

2. Apakah pergerakan yang ditunjukkan dalam gambar berikut?



- **A** Berskip
- **B** Imbangan
- **C** Putaran roda
- **D** Langkah silang

3. Antara berikut, yang manakah pergerakan yang terdapat dalam kemahiran gerak edar?
- I Berskip
- II Merangkak
- III Putaran roda
- IV Lombol kangkang
- **A** I dan II
- **B** I dan IV
- **C** II dan III
- **D** III dan IV

4. Antara berikut, yang manakah berkaitan dengan kesedaran ruang?
- **A** Pergerakan yang melibatkan hubungan antara alatan, pasangan atau kumpulan
- **B** Pergerakan yang melibatkan kesedaran tubuh badan dari segi bentuk, imbangan, pemindahan berat badan dan layangan
- **C** Pergerakan yang melibatkan kelajuan cepat atau lambat dan penggunaan daya antara ringan dan berat berdasarkan tempo dan irama
- **D** Pergerakan yang melibatkan kesedaran ruang diri, ruang am dan batasan ruang dalam pelbagai arah dan aras dengan laluan lurus, berlengkok, *spiral* dan zig-zag

5. Apakah langkah asas tarian Ngajat berikut?



- **A** Langkah Bersilang
- **B** Langkah Bunga Ajat
- **C** Langkah Burung Semalau
- **D** Langkah Burung Kenyalang

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

6. Antara berikut, yang manakah pergerakan bukan lokomotor dalam tarian Zapin?

I Mencangkung
II Mengayun tangan
III Bergerak ke kanan
IV Melangkah ke hadapan

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

7. Antara berikut, yang manakah pergerakan bukan lokomotor dalam tarian Ngajat?

A Mencangkung
B Mengenjut
C Melompat
D Memusing

8. Pilih pergerakan Langkah Bersilang dalam tarian Ngajat mengikut urutan yang betul.

I Kaki kiri dibuka ke sisi kiri
II Kaki kanan dibuka ke sisi kanan
III Kaki kiri bersilang di hadapan kaki kanan dan fleksi
IV Kaki kanan bersilang di hadapan kaki kiri dan fleksi

A IV, I, III, II
B IV, I, II, III
C IV, II, I, III
D IV, III, II, I

9. Apakah kemahiran bola keranjang yang ditunjukkan dalam gambar berikut?



A Mengelecek
B Mengadang
C Kedudukan ancaman tiga
D Bersedia menghantar bola

10. Maklumat berikut berkaitan dengan kemahiran dalam permainan bola keranjang.

> Kemahiran yang diperlukan untuk mendapat mata dan kemenangan.

Apakah kemahiran tersebut?

A Menjaring
B Menghantar
C Mengadang
D Mengelecek

11. Apakah peranan ruang pandang dalam permainan bola keranjang?

A Membantu mengelak pengejar
B Membantu untuk mengelecek dengan tepat
C Membantu dalam menjaring gaya *jump shot*
D Membantu untuk mengadang pihak lawan

12. Apakah fungsi penggunaan daya yang tepat dalam permainan bola keranjang?

A Boleh melakukan jaringan
B Meningkatkan jarak dan kelajuan
C Dapat menghantar bola kepada rakan
D Boleh menyerap semasa menerima bola

13. Apakah tujuan melakukan kemahiran memukul dan mencedok bola dalam permainan hoki?

A Dilakukan secara pepat dan kilas
B Dilakukan untuk hantaran dekat atau tepat
C Menghantar bola kepada rakan yang berada jauh
D Mengawal bola semasa bergerak supaya berada dekat dengan kayu hoki

14. Antara berikut, yang manakah cara untuk menjaring dalam permainan hoki?

I Memukul
II Menolak
III Mencedok
IV Mengelecek

A I, II, dan III
B I, II, dan IV
C I, III, dan IV
D II, III, dan IV

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

15. Apakah perbezaan antara kemahiran menolak dan memukul dalam permainan hoki?

A Terdapat fasa ikut lajak
B Kedudukan tangan memegang kayu
C Mata fokus kepada rakan atau sasaran
D Rendahkan badan semasa melakukan kemahiran tersebut

16. Maklumat berikut berkaitan dengan kemahiran dalam permainan pingpong.

> Menggunakan bahagian tangan belakang untuk mematikan hantaran bola pihak lawan.

Apakah kemahiran tersebut?

A Smesy kilas
B Servis pepat
C Pukulan kilas
D Tolakan pepat

17. Apakah perbezaan lakuan antara tolakan pepat dan tolakan kilas?

A Daya
C Kelajuan bola
B Pegangan bet
D Kedudukan tangan

18. Antara berikut, yang manakah merupakan kemahiran dalam sukan tenis?

I Pukulan kilas
II Menjaring
III Mencedok
IV Pukulan lob

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

19. Apakah yang membezakan cara menangkap bola tinggi dengan bola leret dalam permainan sofbol?

A Perlu bersedia
B Kedudukan badan
C Fokus mata pada bola
D Bertindak terhadap pukulan bola pelbagai aras

20. Apakah kemahiran dalam permainan sofbol berikut?

> Untuk memulakan permainan dan dilakukan oleh pelempar dari posisi di tengah bulatan padang sofbol.

A Memadang
B Melempar
C Larian tapak
D Menampan bola

21. Antara berikut, yang manakah ciri-ciri peranan gender?

I Maskulin untuk lelaki
II Feminin untuk wanita
III Lelaki hendaklah melakukan kerja rumah
IV Perempuan hendaklah keluar bekerja

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

22. Apakah yang anda faham tentang identiti gender?

A Pandangan yang ditetapkan oleh masyarakat secara umum tentang ciri-ciri seseorang seperti jantina, ras atau budaya
B Tatacara yang memperlihatkan aspek perwatakan, sikap, tingkah laku, hak serta tanggungjawab individu yang diterima oleh masyarakat
C Proses mengikut perkara yang diwarisi dari satu generasi ke generasi berikutnya
D Peranan gender melalui proses pemerhatian dan peniruan

23. Antara berikut, yang manakah merangkumi aktiviti penyalahgunaan bahan?

I *Vape*
II Syabu
III Ganja
IV Ubat-ubatan

A I, II, dan III
B I, II, dan IV
C I, III, dan IV
D II, III, dan IV

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

24. Apakah kesan penyalahgunaan bahan terhadap diri sendiri?

A Tersisih daripada keluarga
B Masyarakat menjadi huru-hara
C Dasar kerajaan negara terbengkalai
D Tiada generasi pelapis pemimpin negara

25. Antara berikut, yang manakah kepentingan mematuhi peraturan dan undang-undang?

I Menjaga hak asasi individu
II Menjamin kedaulatan sesebuah negara
III Membentuk sistem pentadbiran yang teratur
IV Memastikan individu menjadi tidak berdisplin

A I, II, dan III
B I, II, dan IV
C I, III, dan IV
D II, III, dan IV

26. Apakah faktor yang boleh mencetuskan kemarahan?

A Menghadapi sebarang jenis ancaman
B Rasa disayangi oleh ahli keluarga
C Mengingati kenangan berharga
D Menerima pujian

27. Apakah cara mengawal kemarahan berdasarkan pernyataan berikut?

> Mengira bilangan satu hingga 100, minum air, berjalan dan menarik nafas yang panjang beberapa kali.

A Cuba bertenang
B Mendapatkan bantuan
C Mencari jalan penyelesaian
D Berhenti melakukan sebarang aktiviti

28. Apakah faktor yang menentukan jumlah kalori yang diambil?

I Jantina
II Mental
III Berat
IV Umur

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

29. Maklumat berikut berkaitan dengan prinsip R.I.C.E.

> Meninggikan bahagian yang cedera untuk mengurangkan bengkak, kesakitan dan pendarahan.

Apakah prinsip tersebut?

A *Ice*
B *Rest*
C *Elevation*
D *Compression*

30. Berapa lamakah balutan boleh dilakukan ke atas pek ais?

A 5 minit pertama
B 10 minit pertama
C 15 minit pertama
D 20 minit pertama

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Bahagian B
[20 *markah*]

Arahan: *Jawab* **semua** *soalan.*

1. Nyatakan konsep pergerakan dalam rutin gimnastrada berikut.

Hubungan | Kualiti pergerakan | Kesedaran ruang | Kesedaran tubuh badan | Pergerakan lokomotor

(a)	Kesedaran tubuh badan	Pergerakan yang melibatkan kesedaran tubuh badan dari segi bentuk, imbangan pemindahan berat badan dan layangan.
(b)	Kesedaran ruang	Pergerakan yang melibatkan kesedaran ruang diri, ruang am dan batasan ruang dalam pelbagai arah dan aras dengan laluan lurus, berlengkok, *spiral* dan zig-zag.
(c)	Kualiti pergerakan	Pergerakan yang melibatkan kelajuan cepat atau lambat dan penggunaan daya antara ringan dan berat berdasarkan tempo dan irama.
(d)	Hubungan	Pergerakan yang melibatkan hubungan antara alatan, pasangan atau kumpulan.
(e)	Pergerakan lokomotor	Pergerakan yang dilakukan oleh seseorang yang menyebabkan kedudukan berubah atau kekal di sesuatu tempat.

[5 *markah*]

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

2. Gambar berikut menunjukkan kemahiran menghantar dalam permainan bola keranjang.



Hantaran paras dada



Hantaran lantun

(a) Bagaimanakah anda boleh melakukan hantaran kepada rakan yang dekat dan jauh dalam permainan bola keranjang?

Penggunaan daya yang sesuai dikenakan semasa melakukan hantaran.

[2 *markah*]

(b) Jelaskan penggunaan daya tersebut.

Sekiranya melakukan hantaran kepada rakan yang dekat, kita menggunakan daya yang sedikit dan sesuai agar bola sampai kepada rakan. Manakala untuk rakan yang jauh, kita perlu menggunakan daya yang lebih agar bola dapat sampai kepada rakan.

[3 *markah*]

3. Akta 792, iaitu Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 dikuatkuasakan untuk melindungi kanak-kanak daripada menjadi mangsa sumbang mahram.

(a) Nyatakan maksud sumbang mahram.

Perlakuan zina yang berlaku antara dua orang anggota terdekat dalam sesebuah keluarga. Contohnya, abang dengan adik perempuan.

[2 *markah*]

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

(b) Jelaskan peranan anggota keluarga untuk mengelakkan sumbang mahram.

(i) Mengasingkan tempat tidur anak yang berlainan jantina.

(ii) Menerapkan pendidikan agama / moral.

(iii) Menentukan batasan dalam perhubungan.

[3 *markah*]

4. Nyatakan keperluan kalori berdasarkan kategori individu di berikut.

Kategori			**Cadangan keperluan kalori sehari**
Jantina	**Peringkat umur**	**Tahap aktiviti**	
Lelaki	13 – 15	Kurang aktif	(a) 1930
		Sederhana aktif	(b) 2210
		Aktif	(c) 2480
Perempuan	13 – 15	Kurang aktif	(d) 1580
		Sederhana aktif	(e) 1810
		Aktif	(f) 2040

[5 *markah*]

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Pentaksiran Akhir Tahun

Bahagian A
[30 *markah*]

SKOR
/100

Arahan: *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu* **A**, **B**, **C** dan **D**. Bagi *setiap soalan, pilih* **satu** *jawapan sahaja*.

1. Maklumat berikut berkaitan dengan kemahiran dalam gimnastrada.

Kebolehan untuk mengekalkan keseimbangan apabila pusat graviti seseorang atau tapak sokongan diubah.

Apakah jenis kemahiran tersebut?

A Hambur
B Putaran
C Imbangan
D Gerak edar

2. Antara berikut, yang manakah merupakan pergerakan dalam kemahiran putaran?

I Berskip
II Putaran roda
III Guling hadapan
IV Putaran menegak 360°

A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV

3. Antara yang berikut, yang manakah merupakan kemahiran langkah dalam tarian Ngajat?

I Langkah Setempat
II Langkah Bersilang
III Langkah Titi Tiung
IV Langkah Mengaut Air

A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV

4. Maklumat berikut berkaitan dengan lakuan dalam tarian Ngajat.

- Kedua-dua tangan diayunkan serentak di hadapan badan.
- Kaki kiri dienjut lebih kuat daripada kaki kanan.

Apakah langkah yang merujuk kepada lakuan tersebut?

A Langkah Burung Merak
B Langkah Burung Semalau
C Langkah Pusing ke Baruh
D Langkah Burung Kenyalang

5. Apakah tujuan mengadang dalam permainan bola keranjang?

A Membuat hantaran dekat
B Membuat hantaran jauh
C Mengelak daripada ditakel oleh pihak lawan
D Menghalang pihak lawan daripada mengelecek

6. Gambar berikut menunjukkan gaya menjaring dalam permainan bola keranjang.



Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Apakah gaya tersebut?

A *Lay up*
B *Set shot*
C Layangan
D *Jump shot*

7. Mengapakah pemain bola keranjang perlu menyerap daya apabila menerima bola?

A Mudah menangkap bola
B Memudahkan kawalan bola
C Mengurangkan kelajuan bola
D Bersedia menghantar semula

8. Gambar di bawah menunjukkan seorang penjaga gawang.



Apakah **X**?

A *Kickers*
B Pelindung jari
C Pelindung kaki
D Peralatan penangkap

9. Maklumat berikut berkaitan dengan kemahiran dalam permainan hoki.

Dilakukan oleh pemain apabila berada dalam kawasan separa bulatan, yang juga dikenali sebagai kawasan D.

Apakah kemahiran tersebut?

A Menolak
B Menjaring
C Menerima
D Mengelecek

10. Antara berikut, yang manakah merupakan kemahiran dalam pemainan pingpong?

I Tolak
II Servis
III Smesy
IV Lontar

A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV

11. Apakah kemahiran yang sesuai digunakan ketika situasi bola melantun di kedudukan maksimum dalam permainan tenis?

A Servis
B Smesy
C Tolakan
D Pukulan

12. Gambar berikut berkaitan dengan kemahiran menghantar bola.



Apakah kemahiran tersebut?

A Menolak
B Menahan
C Memukul
D Mengelecek

13. Apakah faktor yang mempengaruhi lemparan cakera yang jauh?

I Ketinggian
II Berat badan
III Sudut pelepasan
IV Halaju pelepasan

A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

14. Maklumat berikut berkaitan dengan peralatan asas yang digunakan dalam sejenis permainan.

- Bet
- Helmet
- Sarung tangan
- *Home plate*

Apakah permainan tersebut?

A Hoki
B Tenis
C Sofbol
D *Dodgeball*

15. Gambar berikut menunjukkan satu fasa dalam acara lari berpagar.



Apakah fasa tersebut?

A Larian
B Lonjakan
C Mendarat
D Melepasi pagar

16. Antara berikut, yang manakah merupakan kemahiran asas dalam permainan *dodgeball*?

A Menjaring
B Melangkah
C Menyerang
D Mengadang

17. Gambar di bawah menunjukkan sejenis peralatan yang digunakan dalam aktiviti pandu arah.



Apakah peralatan tersebut?

A Kompas
B Rahang kliper
C Penanda kawalan
D Skala penimbang

18. Maklumat berikut berkaitan dengan kecergasan fizikal.

Komponen ini merujuk kepada keupayaan untuk mengangkat, menolak atau menarik sesuatu benda yang berat.

Apakah komponen tersebut?

A Kelenturan
B Kekuatan otot
C Daya tahan otot
D Komposisi badan

19. Apakah senaman yang dapat meningkatkan kapasiti aerobik?

A Bangkit tubi
B Lari atas bangku
C Separa cangkung
D Regangan *pectoral*

20. Antara berikut, yang manakah merupakan cara yang betul untuk mengambil bacaan ukuran lipat kulit?

A Menggunakan instrumen kaliper
B Mengambil bacaan pada skala penimbang
C Membuat tanda selepas mengambil bacaan
D Mengambil titik cubitan di pipi dan *suprailiac*

21. Antara berikut, yang manakah peranan gender yang bercanggah dengan norma masyarakat?

I Isteri mencari nafkah
II Isteri memimpin keluarga
III Suami menjaga keselamatan keluarga
IV Wanita menyertai pertandingan bina badan

A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

22. Antara berikut, yang manakah merupakan kesan yang mungkin diperoleh sekiranya individu terlibat dalam perkara yang menyalahi undang-undang?
A Dijulang oleh rakan-rakan
B Meningkatkan maruah diri
C Diburu oleh pihak berkuasa
D Meningkatkan taraf ekonomi keluarga

23. Antara berikut, yang manakah merupakan punca wujudnya perasaan marah?
I Ketagihan gajet
II Pengalaman pahit
III Perasaan cemburu
IV Cemerlang dalam pelajaran
A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV

24. Apakah punca boleh berlakunya sumbang mahram dalam sesebuah keluarga?
I Gagal mengawal hawa nafsu
II Tahap pendidikan yang sederhana
III Mempunyai ahli keluarga yang ramai
IV Kurang pengawasan oleh ibu bapa yang sibuk bekerja
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

25. Antara berikut, yang manakah bukan merupakan punca seseorang boleh dijangkiti penyakit HIV?
A Berkongsi jarum suntikan
B Terlibat dalam aktiviti pelacuran
C Perhubungan seks secara rambang
D Penderma darah yang negatif kepada penerima positif

26. Apakah kebaikan yang diperoleh sekiranya individu mengamalkan perhubungan yang sihat?
A Gangguan fungsi otak
B Risiko penyakit berjangkit
C Menjejaskan kesihatan diri
D Mewujudkan perhubungan yang harmoni

27. Apakah faktor berlakunya eksploitasi?
I Desakan hidup
II Pegangan agama yang kuat
III Tahap pendidikan yang tinggi
IV Keinginan terhadap kemewahan
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

28. Antara berikut, individu manakah yang memerlukan jumlah kalori yang banyak?
I Sofea yang gemar berjoging pada setiap petang
II Syafiq yang bermain badminton pada setiap hari Ahad
III Puteri yang menghabiskan masa di pusat membeli-belah pada hujung minggu
IV Adam yang menyertai kelas renang lima kali seminggu
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

29. Bagaimanakah cara yang berkesan untuk mengawal jumlah pengambilan kalori harian?
A Rancang menu makanan harian
B Hanya makan apabila terasa lapar
C Mengambil makanan mengikut selera
D Amalkan pemakanan yang sihat dan bersih

30. Maklumat berikut berkaitan dengan prinsip dan prosedur R.I.C.E.

Tuaman dengan balutan anjal ke atas bahagian yang cedera bagi mengurangkan bengkak serta pendarahan.

Apakah prosedur tersebut?
A *Ice*
B *Rest*
C *Elevation*
D *Compression*

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Bahagian B
[20 *markah*]

Arahan: *Jawab* **semua** *soalan.*

1. Susun pergerakan Langkah Bersilang dalam tarian Ngajat mengikut turutan yang betul.

(a) Kaki kiri bersilang di hadapan kaki kanan dan fleksi.	3
(b) Kaki kanan dibuka ke sisi kanan.	4
(c) Kaki kanan bersilang di hadapan kaki kiri dan fleksi.	1
(d) Kaki kiri di buka ke sisi kiri.	2

[4 *markah*]

2. Nyatakan tiga kemahiran asas dalam permainan bola keranjang berdasarkan gambar di bawah.

(a)



Mengelecek

(b)



Menjaring

(c)



Mengadang

[3 *markah*]

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

3. Padankan fasa dalam acara lompat kijang dengan lakuannya yang betul.

(a) Fasa lari landas	Melonjak sebelah kaki dan mendarat dengan kaki yang berlainan.
(b) Fasa melonjak	Melonjak dengan sebelah kaki dan mendarat dengan kedua-dua kaki.
(c) Fasa melangkah	Lonjakan sebelah kaki yang terkuat dan mendarat dengan kaki yang sama.
(d) Fasa melompat	Berlari dengan kelajuan maksimum terkawal dengan postur badan tegak dan lutut tinggi.

[4 *markah*]

4. Jelaskan **tiga** cara untuk mengurus kemarahan dengan berkesan.

(a) Berhenti melakukan sebarang aktiviti untuk menenangkan diri dan berfikir dengan tenang.

(b) Menjauhkan diri daripada punca kemarahan sehingga kembali tenang dan bersedia menghadapinya.

(c) Mendapatkan bantuan kaunselor atau ahli psikologi yang terlatih dalam bidang kesihatan mental dan emosi.

[3 *markah*]

5. Jelaskan **tiga** situasi yang mendedahkan individu kepada risiko jangkitan HIV atau penyakit AIDS.

(a) Berkongsi jarum suntikan dengan penagih atau orang yang telah dijangkiti.

(b) Melalui pemindahan darah yang tercemar dengan HIV atau AIDS.

(c) Hubungan seks tanpa perlindungan.

[3 *markah*]

6. Jelaskan **tiga** prinsip dalam prosedur R.I.C.E. yang boleh dilakukan untuk merawat kecederaan tisu lembut.

(a) *Rest* – Hentikan aktiviti dan rehatkan bahagian yang mengalami kecederaan untuk mengelakkan kecederaan menjadi lebih teruk.

(b) *Ice* – Tuam bahagian yang cedera dengan ais bagi mengurangkan bengkak dan kesakitan.

(c) *Compression* – Balut bahagian yang cedera dengan pembalut secara sederhana untuk mengurangkan bengkak dan memberi sokongan pada bahagian yang cedera.

[3 *markah*]

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.